

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1993/94

Oktober/November 1993

SAU202 - Kemiskinan dan Ketidaksamaan

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab TIGA soalan. Bahagian A WAJIB dijawab. Pilih DUA soalan dari Bahagian B.

Bahagian A. Soalan Satu (1) WAJIB dijawab.

Soalan Satu

- a. Dalam diri seorang manusia terdapat beberapa komponen. Nyata dan huraikan komponen-komponen tersebut dengan ringkas.
[20 markah]
- b. Kemiskinan boleh dibahagikan kepada beberapa jenis. Nyata dan huraikan jenis-jenis itu dengan ringkas.
[20 markah]
- c. Ada beberapa peringkat pembangunan mengikut kaedah Islam. Nyata dan huraikan peringkat-peringkat tersebut dengan ringkas.
[20 markah]
- d. Ilmu sains kemasyarakatan masakini perlu diselarikan dengan perspektif Islam agar analisis dan penyelesaian masalah dibuat dengan mengambil kira perkara tersurat dan juga yang tersirat. Nyata dan huraikan saluran-saluran yang ditekankan dalam perpektif Islam itu dengan ringkas.
[20 markah]

- e. Nyata dan huraikan dengan ringkas perbezaan utama di antara teori-teori berunsur kapitalisme dan marxisme dalam analisis teori-teori ini terhadap masalah kemiskinan dan ketidaksamaan.

[20 markah]

Bahagian B. Pilih dan jawab DUA soalan sahaja.

Soalan Dua

"Kekayaan dan kemiskinan digambarkan sebagai dua pola yang bertentangan; positif-negatif, pengukur kaya-miskin, maju-mundur, jaya-gagal dan lain-lain. Namun jelas kelihatan negara mewah melahirkan rakyat yang mempunyai daya kekuatan akal dan berjuang yang lemah hingga pembangunan negara sendiri bergantung dan dicatur oleh negara-negara lain. Manakala dalam masyarakat di mana akhlak terpuji seperti sifat pemurah dan penyayang terbina, golongan miskin dibela dan tidak semestinya hidup dalam keadaan melarat dan terabai".

Sejauhmanakah anda bersetuju dengan kenyataan di atas? Kemukakan contoh hubungan di antara seorang kaya dan seorang miskin bagi menjelaskan lagi hujah anda itu.

[100 markah]

Soalan Tiga

"Kemiskinan boleh ditakrif dan diukur dari beberapa sudut. Apa-apa bentuk takrif dan pengukur kemiskinan yang digunakan amat berkait rapat dengan pengertian pembangunan yang kita fahami".

Sejauh manakah matlamat dan peringkat pembangunan menurut kaedah Islam dapat memastikan individu dan masyarakat dapat digembelinkan untuk membangun tamaddun material dan kebahagiaan hidup?

[100 markah]

Soalan Empat

"Jurang yang wujud di antara orang kaya dan orang miskin boleh diikat dan diseimbangkan dengan membentuk dan menyuburkan akhlak terpuji di kalangan individu-individu di dalam masyarakat itu".

Bincangkan kenyataan ini dan bagaimanakah akhlak terpuji itu dapat dibentuk dan disuburkan?

[100 markah]

Soalan Lima

"Ketidaksamaan dalam masyarakat adalah di antara isu-isu utama dalam pembangunan. Keruntuhan sistem komunis di Rusia menunjukkan mustahilnya untuk melahirkan masyarakat yang samarasa dan samarata. Strata kaya-miskin pasti wujud dalam mana-mana masyarakat".

Berdasarkan satu kajian, bincangkan kenyataan ini dan apakah punca utama yang mengakibatkan terjadinya kemiskinan dan ketidaksamaan itu? Apakah dasar dan program pembangunan yang terbaik bagi mengatasi persoalan kemiskinan dan ketidaksamaan ini?

[100 markah]

Soalan Enam

"Teori sains kemasyarakatan masakini terikat dengan penilaian mata akal dan mata lahir dalam menganalisis persoalan kemiskinan dan ketidaksamaan. Dimensi mata hati diketepikan hingga penyelesaian yang diberikan lebih berbentuk untuk menyelesaikan keperluan material manusia dan budaya hidup mereka semata-mata".

Bincangkan kenyataan ini dengan membandingkan teori-teori kapitalisme, marxisme dan Islam dalam memahami dan menangani persoalan kemiskinan dan ketidaksamaan.

[100 markah]

